

HUDUD: PUSAT PINDA PERLEM

Oleh

Razak Rashid Ghows
dan Maznah Mohd Arshad

PASIR GUDANG (Johor) 16 April — Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata, Kerajaan Pusat sanggup meminda Perlembagaan Persekutuan sekiranya ada peruntukan yang menjadi penghalang kepada pelaksanaan hukum hudud di Kelantan.

Perdana Menteri menegaskan bahawa Kerajaan Pusat akan membenarkan Kerajaan Pas di Kelantan meneruskan hasrat mereka untuk melaksanakan hukum hudud walaupun ke atas orang-orang bukan Islam jika mereka memilih untuk berbuat demikian.

Ditanya apakah beliau akan membenarkan hukum itu turut dikenakan ke atas bukan Islam, Perdana Menteri berkata:

Benarkan

"Ia bukannya soal sama ada saya membenarkan atau tidak.

"Kalau itulah yang mereka mahu dan apa yang rakyat Kelantan sendiri mahu, sebagai negara demokrasi, kita benarkan".

Dr. Mahathir berkata demikian ketika diminta mengemukakan lebih lanjut pandangan beliau tentang cadangan Kerajaan Kelantan untuk memperkenalkan hukum hudud.

Beliau bercakap pada satu persidangan akhbar selepas merasmikan pembukaan Kilang Titan Himont Polymers (M) Sdn. Bhd. di sini petang ini.

Menjawab pertanyaan sama ada kebenaran daripada Kerajaan Pusat kepada Kerajaan Kelantan berhubung dengan pe-

laksanaan hukum hudud memerlukan sebarang pindaan Perlembagaan Persekutuan, beliau berkata:

"Kalau perlu pinda, kita akan pinda, kalau ada mana-mana peruntukan yang menghalang Kelantan dari melaksanakan hukum hudud.

"Selepas ini sesiapa yang mencuri kereta akan kena potong tanganlah".

Menyindir

Perdana Menteri berkata, Kerajaan Kelantan sebelum ini membuat kenyataan dengan menyindir bahawa mereka hendak melaksanakan hukum hudud, tetapi yang menjadi penghalang ialah Kerajaan Pusat kerana Kerajaan Pusat tidak begitu Islam.

"Kita tidak ada niat untuk menghalang mereka.

"Kalau mereka hendak melaksanakan hukum hudud, mereka boleh laksanakan hukum hudud," tegas Dr. Mahathir.

Terdahulu itu semasa berucap pada majlis perjumpaan dengan wakil-wakil UMNO bahagian seluruh Johor di kediaman rasmi Menteri Besar, Saujana, petang ini, Perdana Menteri yang juga Presiden UMNO mencabar Kerajaan Pas Kelantan meneruskan cadangannya melaksanakan hukum hudud yang dilaung-laungkan selama ini.

Kerajaan Pusat, tegasnya tidak melarang hasrat Pas jika ia memang ajaran Islam dan jika mereka boleh benar-benar menjadi orang Islam, mereka bebas melakukannya.

Dr. Mahathir menarik perhatian bahawa Pas yang beria-ia bercakap pasal hukum hudud sebenarnya bukan berhasrat untuk melaksanakan hukum tersebut, tetapi sebaliknya hendak menjadikannya helah untuk menuduh kerajaan di bawah pimpinan UMNO.

LIHAT MUKA 2

**SANGGUP
BAGAIMAN**

U.M. 17 APR 1992

HUJUD: PUSAT SANGGUP PINDA PERLEMBAGAAN

Katanya, tujuan Pas adalah semata-mata bermotifkan politik.

"Mereka sebenarnya tidak sanggup melaksanakan hukum tersebut kerana bukannya mudah untuk melaksanakannya.

"Banyak negara Islam tidak berani melaksanakan hukum hudud kerana sebab-sebab tertentu dan oleh itu kita belum berhasrat untuk melaksanakan hukum tersebut," katanya.

Perdana Menteri juga menarik perhatian bahawa

bukannya mudah untuk memotong tangan, kaki atau kepala seseorang dan bukan mudah juga untuk mencari tukang potong tangan atau kaki orang.

"Tak tahulah kalau Nik Aziz sanggup mengambil upah khas untuk memotong tangan orang yang bersalah," ujar beliau.

Sehubungan dengan ini Dr. Mahathir mahukan orang-orang Melayu bertanggungjawab sepenuhnya terhadap kekukuhan dan kekuatan UMNO yang ada sekarang untuk terus memerintah negara ini.

Beliau berkata di negara ini, UMNO sejak awal-awal penubuhannya lagi telah menjadi sebuah parti yang berbentuk nasional, ini jelas terbukti di mana di setiap kawasan dan negeri terdapat cawangan-cawangan parti tersebut.

"Oleh itu UMNO merupakan tulang belakang negara dan UMNO juga menjadi tunjang bagi mencantumkan parti-parti komponen lain membentuk Barisan Nasional yang cukup stabil dan mampu memperoleh lebih daripada

2/3 pada setiap pilihan raya umum," katanya.

"Parti UMNO satu-satunya parti yang boleh menjamin kestabilan negara, tanpa UMNO saya rasa tidak akan wujud Malaysia seperti yang ada sekarang," ujarnya.

Dr. Mahathir berkata, walaupun negara ini terdiri daripada berbagai bangsa dengan berlainan agama, keturunan, bahasa dan kebudayaan namun perkara-perkara yang menuju kepada perpecahan tidak berlaku di negara ini.

Beliau berkata, keadaan itu wujud hasil dari pemerintahan kerajaan yang adil dan liberal.

Maka dengan sebab itulah, katanya, negara ini terus maju dan kemajuan yang dicapai adalah berdasarkan budaya Melayu yang tidak ekstrim.

Perdana Menteri juga mengingatkan orang-orang Melayu agar jangan lalai dan berpecah-belah, sekiranya keadaan seumpama itu berlaku maka kestabilan negara yang dikecapi sekarang akan hilang dan bertukar kepada kekacauan.